

SUKAN SEBAGAI ALAT PERPADUAN

- Sukan merupakan salah satu cara untuk memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional di Malaysia.
- Sukan dapat mengeratkan hubungan muhibah antara pelbagai kaum.
- Sukan menerapkan rasa saling hormat dalam kalangan peserta.
- Sukan mampu mewujudkan masyarakat yang sanggup memberikan sumbangan demi kesejahteraan sosial dan kecemerlangan sukan negara.

Laungan "Malaysia Boleh"

- 1** Slogan "Malaysia Boleh" pada asalnya dicipta untuk kempen Malaysia semasa menjadi tuan rumah kejohanan Piala Thomas dan Uber pada tahun 1992.

Slogan juga digunakan semasa penyertaan Malaysia di kejohanan Olimpik yang diadakan di Sepanyol serta kejohanan Sukan SEA di Singapura pada tahun 1993.

2

- 3** Laungan "Malaysia Boleh" oleh penyokong dapat dilihat apabila Malaysia muncul sebagai juara Piala Thomas pada tahun 1992.

Slogan "Malaysia Boleh" menunjukkan patriotisme rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan budaya ketika menyokong pasukan Malaysia yang bertanding pada peringkat serantau dan antarabangsa.

4

- 5** Slogan ini kini menjadi perangsang semangat kepada rakyat Malaysia.

Slogan ini juga membuktikan bahawa rakyat Malaysia bersatu padu untuk mencapai kejayaan pasukan negara.

6

